

09/09/2000

MSC terus dapat pengiktirafan ahli IAP

KUALA LUMPUR, Jumaat - Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dikritik sesetengah pihak sebagai bakal menemui kegagalan, terus mendapat pengiktirafan dan dikagumi oleh ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Kumpulan penasihat elit yang mewakili industri teknologi dan multimedia global bernilai lebih AS\$10 trilion (RM38 trilion) itu, turut memuji komitmen kerajaan Malaysia bagi memantapkan MSC.

Perkara ini diluahkan oleh 29 ahli panel itu dalam sidang akhbar bersama selepas pelancaran Ekspo MSC di The Mines, Seri Kembangan dekat sini hari ini. Mereka berada di sini untuk menghadiri mesyuarat IAP ke-4 selama tiga hari di Cyberjaya, mulai semalam.

Penyelidik Utama Sun Microsystems, Johd Gage, berkata anggota IAP mewakili kepentingan dan pelaburan bernilai sekurang-kurangnya AS\$10 bilion (RM38 bilion).

"Oleh itu, kami berada di sini untuk menyokong MSC dan Malaysia mengetuai visi ini. Apa yang ada di MSC mengatasi barisan pemimpin dunia yang menghadiri Sidang Puncak Alaf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York sekarang," katanya.

Hadir sama dalam sidang akhbar itu ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri Kabinet dan Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Silicon Graphics Inc (SGI), Bob Bishop, pula berkata mesyuarat IAP kali ini memberi kefahaman mendalam kepada anggota panel berhubung kemajuan MSC.

Bagaimanapun, langkah seterusnya perlu membabitkan penekanan pemasaran pelbagai aplikasi yang diperolehi menerusi MSC di peringkat dunia.

"Syarikat IT di Malaysia perlu mengkaji strategi perniagaan terbaik ke arah memasarkan produk masing-masing," katanya.

Profesor Wang Xuan dari Universiti Peking pula mengingatkan Malaysia mengenai saingan dengan pemain utama dalam industri IT dan mendesak supaya ia lebih selektif.

"Adalah penting bahawa Malaysia memilih teknologi yang betul...di mana ia mempunyai kekuatan. Ia juga harus menarik bakat muda dan berikan mereka insentif," katanya.

"Saya juga tertarik dengan tahap kemajuan dan kemudahan di MSC. Tahun lalu, saya mengambil masa sejam dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang ke Cyberjaya tetapi kali ini perjalanan itu cuma mengambil masa 25 minit," katanya.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Madge Networks Co, Robert Madge, pula berkata dengan pelbagai prasarana dalam MSC, negara ini perlu meningkatkan kemasukannya ke dalam ekonomi baru.

"Menerusi MSC, Malaysia mempunyai kekuatan tersendiri, dan apa yang perlu dilakukan ialah untuk mengukuhkan kekuatan berkenaan," katanya.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Acer, Datun Dr Stan Shih berkata MSC adalah program jangka panjang.

Beliau memberi amaran kepada semua pihak supaya tidak mengharapkan keajaiban daripada projek berkenaan.

"Kejayaan bukan boleh berlaku secara tiba-tiba. Apa yang penting ialah kerajaan menyediakan insentif mencukupi untuk menjayakan MSC, khususnya dalam bentuk pelepasan cukai bagi syarikat modal teroka," katanya.

Prof William F Miller dari Universiti Stanford, yang membantu mewujudkan

perancangan MSC, berkata pembangunan MSC dilaksanakan dalam tempoh terpanjang berbanding projek seumpamanya di dunia.

"Bagaimanapun, langkah seterusnya ialah ke arah pembangunan pakar untuk mengisi kekosongan di MSC," katanya.

Ketua Eksekutif Beneventure Capital-Parkside Group, Dr Gilbert Amelio, berkata kejayaan MSC setakat ini menakjubkan. Begitu pun kejayaan tidak tercapai dalam sekelip mata dan seperti inisiatif teknologi di Taiwan serta Singapura yang mengambil masa lebih 10 tahun untuk berada di tahap sekarang.

Dr Gilbert yang mengetuai syarikat modal teroka di Amerika Syarikat, berkata dengan kesabaran dalam membangunkan MSC, Malaysia akan dapat dividen (keuntungan) besar nanti.

"Syarikat besar lain termasuk syarikat saya akan melabur bila tiba peluang yang baik," katanya.

Naib Pengerusi Lucent Technologies, Ben Verwaayen, yang menyifatkan Mesyuarat IAP MSC kali ini sebagai terbaik, berkata MSC mempunyai peluang unik untuk mempergunakan teknologi bagi berhadapan dengan globalisasi.

Presiden/Ketua Eksekutif Lotus Development Corp, Al Zollar, berkata MSC akan menjadi wadah untuk Malaysia membangunkan k-ekonomi iaitu ekonomi berasaskan pengetahuan dengan lebih pantas.

Beliau yang kali pertama menyertai mesyuarat IAP MSC, berkata beliau yakin MSC akan menjadi inisiatif teknologi paling berjaya di rantau ini berikutan sokongan kuat yang diberikan pengurusan tertinggi negara iaitu Perdana Menteri.

Naib Presiden Eksekutif/Presiden Rantau Asia Pasifik Motorola, C D Tham, berkata pencapaian Malaysia menjadi pengeluar semikonduktor terbesar dunia, adalah asas yang baik bukti keupayaan MSC untuk berjaya pada masa depan.

"Potensi MSC disokong lagi dengan wujudnya sebilangan besar generasi muda yang belajar dalam bidang teknikal dan Teknologi Maklumat (IT)," katanya.

Tham berkata, syarikat teknologi baru tempatan perlukan lebih promosi di peringkat global dan pihak media boleh memainkan peranan mencapai maksud itu.

Presiden Microsoft Asia, Pieter Knook, berkata pencapaian MSC sehingga kini sangat menakjubkan terutama melihat kepada Aplikasi Perdana yang diperkenalkan seperti e-kerajaan dan kad pintar pelbagai guna.

Katanya, kejayaan MSC adalah kejayaan Malaysia sendiri meskipun disokong pelbagai pihak asing. "Kami cuma menyediakan batu-bata tetapi Malaysia yang membina rumah."

Pengerusi Emiritus NE Corporation, Datuk Dr Tadahiro Sekimoto, pula berkata kerajaan berasaskan elektronik atau e-government amat penting bagi Malaysia bagi menggerakkan lagi kemajuan MSC dan yakin ia akan berjaya.

Penasihat kanan International Communications Studies, Diana Lady Dougan, berkata dengan tahap kemajuan yang baik di MSC sekarang, cabaran seterusnya adalah untuk memberi tumpuan kepada aplikasi teknologi.

(END)